

Pembelaan hak OKU kian terjamin

Akta khusus bolehkan tindakan diambil terhadap premis gagal sedia kemudahan

B.H 17/12/07 MK 8

Oleh Jami'ah Shukri

"TIDAKKU minta lahir ke dunia. Tidak ku duga cacat begini. Bukan ku minta kasih dan manja. Bukan ku rayu bantu simpati". Irama dan lirik lagu ini membawa maksud yang mendalam terhadap isi hati golongan orang kurang upaya (OKU).

Senyuman OKU ini sememang ada kalanya tidak seghairah dan gerak gaya tidak selincah orang yang normal. Namun, kehadiran mereka di dunia tetap mewarnai panorama kehidupan dan sepatutnya turut diberi hak serta peluang sama rata dalam semua aspek.

Mengikut perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga akhir 2006 seramai 197,519 OKU berdaftar di negara ini dengan cacat penglihatan merangkumi 18,258; pendengaran (29,522); anggota (66,250); masalah pembelajaran (76,619); cerebral palsy (887) dan lain-lain (5,983).

Jumlah berkenaan sebenarnya tidak menggambarkan angka sebenar OKU di negara ini, sebaliknya lebih ramai lagi kerana sebilangan mereka tidak mendaftar disebabkan banyak faktor.

Keadaan mereka yang dikategorikan sebagai cacat mental dan keprihatinan kerajaan bagi isu berkenaan dilihat semakin jelas apabila masalah diskriminasi terhadap OKU di negara ini bakal ditangani secara menyeluruh, tidak lama lagi.

Rang Undang-Undang OKU yang menekankan soal pembangunan kualiti hidup dan kesejahteraan mereka sudah diluluskan. Kini Rang Undang-Undang itu sudah dibentangkan untuk bacaan kali pertama oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, baru-baru ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, pemulihan, pembangunan dan kesejahteraan OKU.

Serentak itu, Majlis Kebangsaan bagi OKU akan ditubuhkan untuk menggalakkan kehidupan yang berkualiti bagi golongan berkenaan.

Kita akui sekarang penyediaan pembangunan infrastruktur dan akses untuk golongan itu masih berada pada tahap yang terlalu rendah dan keprihatinan belum mencapai ke peratusan membanggakan.

Terlalu sedikit bangunan di negara ini disediakan kemudahan untuk golongan itu.

Sesetengah sistem pengangkutan awam sedia ada juga tidak mesra OKU hingga menyukarkan mereka untuk menjalankan aktiviti harian dan kehidupan dengan lancar. Tiada laluan kerusi roda. Kenderaan awam dan premis tiada kelengkapan itu.

Justeru, dengan wujudnya Rang Undang-Undang itu dan apabila diluluskan Parlimen nanti akan membolehkan pelaksanaan Akta OKU. Menerusinya, golongan itu mendapat pembelaan seperti akses sama rata terhadap pelbagai kemudahan, perkhidmatan dan bangunan awam seperti golongan masyarakat lain.

Kita yakin tindakan serta-merta juga boleh dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) terhadap mereka yang gagal menepati syarat berkenaan sebaik saja Akta OKU dilaksanakan nanti.

Keprihatinan itu semakin kukuh apabila Malaysia juga akan menandatangani Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berhubung hak OKU.

Antara yang termaktub dalam konvensyen itu, termasuk kesamaan dari segi undang-undang, larangan melakukan diskriminasi disebabkan kecacatan mereka

dan hak untuk memiliki dan mewarisi harta, hak kepada pendidikan, hak kepada kesihatan dan hak untuk bekerja.

Ini adalah selaras dengan keputusan sama dilakukan oleh kira-kira 80 negara lain yang juga akan menandatangani konvensyen PBB untuk membantu dan melindungi hak lebih 650 juta OKU di seluruh dunia.

Bagi kita, OKU ini tidak harus diperlekehkan kerana peluang mereka untuk maju dalam kehidupan tetap ada. Kini sudah ada kalangan OKU yang menjawat jawatan penting dan utama di institusi tertentu dan bidang pekerjaan.

Cuma, majikan perlu yakin dengan kebolehan mereka. Ketika ini, syarat satu peratus yang patut dipenuhi dalam syarat di sektor awam masih belum dapat diisi manakala sektor swasta juga demikian.

Persepsi masyarakat perlu diubah dan tidak melabelkan OKU sebagai penyumbang industri kraftangan saja dan terlalu bergantung hidup kepada bantuan.

Selain itu, kita juga tidak mahu lagi mendengar rintihan diluahkan golongan itu lagi, yang pernah ada yang sampai menangis kerana kegagalan mendapatkan

Kadar mereka yang dikategorikan sebagai golongan OKU semakin meningkat yang tidak saja disebabkan kecacatan sejak lahir, malah juga faktor lain seperti diserang penyakit tertentu dan terbabit dalam sesuatu kemalangan.

Dianggarkan kira-kira 10 peratus OKU baru dicatatkan seperti disebabkan pelbagai jenis kemalangan, termasuk kemalangan jalan raya.

Dengan jumlah yang sebegitu, isu OKU tidak seharusnya dipinggirkan kerana golongan berkenaan amat teristimewa, malah jika diberi peluang mereka mampu menonjolkan bakat, kemahiran dan keupayaan dalam pelbagai bidang, termasuk pekerjaan.

Ada juga golongan OKU mencatat kejayaan cemerlang dalam bidang profesional. Bagaimanapun, golongan itu masih belum mendapat pembelaan sewajarnya dan wujud diskriminasi dalam banyak segi.

Pada dasarnya kerajaan menerusi pelbagai perancangan pembangunannya tidak pernah melupakan golongan itu. Dalam bajet kerajaan tidak pernah meminggirkan golongan ini dalam setiap projek pembangunan dirancang. Namun, apabila pada peringkat pelaksanaan ia seakan dilupakan.

Apa yang berlaku sekarang, undang-undang bagi penyediaan prasarana OKU tidak dikuatkuasa dengan baik dan hanya terletak di atas kertas saja. Banyak kemudahan prasarana untuk golongan itu tidak dilaksanakan sepenuhnya.

Sebagai contoh, tiada tindakan kepada pemilik bangunan yang tidak mematuhi spesifikasi untuk OKU dari segi penyediaan akses di bangunan awam dan persekitaran. Pelan pembangunan juga boleh diluluskan dengan mudah.

Bagaimanapun, kita mengharapkan ke-



MESRA PENUMPANG: Sesetengah pengangkutan awam menyediakan kemudahan untuk OKU bagi membantu melancarkan kegiatan harian mereka.

pekerjaan berikutan birokrasi menebal di sektor tertentu.

Bagi ibu bapa juga digalakkan mendaftar anak mereka yang cacat ke JKM supaya mudah diberikan pelbagai insentif yang sedia dalam pelbagai bentuk.

Selain juga kerajaan sudah melaksanakan pelbagai program pengesanan serta pemulihan awal kecacatan kanak-kanak bagi membendung ia menjadi lebih teruk.

Antara langkah ialah menyediakan kira-kira 3,061 klinik meliputi 1,943 Klinik Desa, 857 Klinik Kesihatan, 168 Klinik Bergerak dan 93 Klinik Ibu dan Anak bagi mengesan kecacatan pada peringkat awal.

Laporan mendapati antara 1,500 hingga 1,800 kes kanak-kanak bawah usia tujuh tahun dikesan setiap tahun, memerlukan pemulihan awal disebabkan masalah kurang upaya.

FAKTA NOMBOR

Jumlah orang kurang upaya

197,519

OKU berdaftar

76,619

Masalah pembelajaran

29,522

Pendengaran